

**Isu gereja: Tiada didakwa tapi 12 Muslim diberi kaunseling, titah Sultan**  
**The Malaysian Insider**  
**10 Oktober , 2011**  
**Oleh G Manimaran**

KUALA LUMPUR, 10 Okt — Sultan Selangor bertitah bahawa tiada pihak yang akan didakwa berhubung isu Gereja Methodist Damansara Utama yang menjadi sasaran tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) pada 3 Ogos lalu ekoran dakwaan bahawa ada usaha memurtadkan umat Islam.

Sebaliknya Sultan Sharafuddin Idris Shah bertitah Jais akan menyediakan kaunseling kepada 12 Muslim yang menghadiri majlis kesyukuran yang dianjurkan di gereja tersebut pada tarikh tersebut.

“Selepas meneliti dengan mendalam laporan disediakan oleh Jais dan selepas memperoleh nasihat daripada pihak berkuasa agama dan pakar perundangan, kami memutuskan bahawa tiada pendakwaan akan dikenakan ke atas mana-mana pihak,” titah baginda (gambar) dalam satu kenyataan dikeluarkan hari ini.

Titah baginda, merujuk kepada siasatan Jais, terdapat keterangan bahawa ada cubaan untuk memesonkan kepercayaan dan akidah umat Islam tetapi keterangan yang diperoleh tidak mencukupi untuk tindakan undang-undang diambil.

“Oleh itu setelah meneliti dengan secara mendalam laporan oleh pihak Jais dan setelah mendapat nasihat dari pakar-pakar agama dan undang-undang, beta bersetuju tiada pendakwaan terhadap mana-mana pihak.

“Walau bagaimanapun beta menitahkan Jais memberikan kaunseling kepada orang Islam yang terlibat dalam majlis tersebut supaya akidah dan kepercayaan mereka terhadap agama Islam dapat dipulihkan,” titah baginda.

Sultan Selangor juga menitahkan Jais supaya menjalankan aktiviti dakwah terhadap orang Islam dengan lebih kerap dan tersusun supaya akidah dan kepercayaan mereka terhadap Islam dapat dipelihara dan dipertingkatkan.

“Beta amat berharap selepas daripada ini, apa-apa kegiatan dan aktiviti yang sedang berjalan atau yang akan berjalan bagi tujuan mengembangkan ajaran agama lain kepada penganut agama Islam dalam Selangor ini hendaklah dihentikan segera dan tiada kegiatan dan aktiviti yang serupa dijalankan di masa hadapan,” tambah baginda.

Sultan Selangor juga menitahkan Majlis Agama Islam Selangor (Mais) dan Jais supaya sentiasa mengadakan pemantauan rapi dan mengambil tindakan sewajarnya tanpa perlu teragak-agak lagi selaras dengan bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah undang-undang.

“Beta juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang telah mengambil berat berkaitan isu ini dan yang telah memberikan kerjasama dan sokongan yang tidak berbelah bahagi kepada Jais,” titah baginda.

Baginda juga bertitah, berdasarkan laporan siasatan Jais terdapat keterangan bahawa ada cubaan untuk memesonkan kepercayaan dan akidah umat Islam tetapi bukti yang

diperoleh tidak mencukupi untuk diambil tindakan undang-undang.

Pada 28 September lalu, Menteri Besar Tan Sri Khalid Ibrahim mahu semua pihak menunggu kerana Sultan Selangor akan menitahkan nasihat dan cara terbaik untuk menyelesaikan isu berkaitan dengan Jais dan Gereja Methodist Damansara Utama.

Jais didakwa mengadakan serbuan setelah mendapat maklumat adanya cubaan memurtadkan orang Islam pada satu majlis makan malam anjuran Komuniti Harapan.

Bagaimanapun, ia dinafikan oleh gereja itu dan Komuniti Harapan. Pihak penganjur yang dikenali sebagai Komuniti Harapan mendakwa mereka hanya menganjurkan majlis kesyukuran di gereja itu.

Jais menegaskan, ia hanya mengadakan pemeriksaan ekoran aduan kononnya ada usaha memurtadkan Muslim di gereja itu.

Akhir bulan lalu juga, Pengarah Jais Marzuki Hussin berkata kes berkaitan pemeriksaan pihaknya ke atas gereja berkenaan akan disebut di Mahkamah Syariah Shah Alam pada 19 Oktober ini.

Dalam kenyataan hari ini, Sultan Selangor menjelaskan, baginda Ketua Agama Islam Negeri Selangor amat mengambil berat di atas tindakan yang dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasaan Jais yang telah menjalankan pemeriksaan ke atas majlis kesyukuran yang diadakan di Dewan 3, Kompleks Dream Centre, Seksyen 13, Petaling Jaya Ogos lalu.

"Beta amat berharap agar rakyat Negeri Selangor tanpa mengira bangsa dan agama tidak menyalahanggap dan mempertikaikan tindakan Jais tersebut sebelum mengetahui dengan jelas fakta sebenar mengenai tindakan yang telah diambil oleh pihak Jais," titah baginda.

Titah baginda, sebagai sebuah agensi kerajaan negeri yang bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang Islam dalam Selangor, Jais mempunyai tugas yang berat untuk memastikan agama Islam sentiasa dipelihara dan dimartabatkan selaras dengan kedudukannya sebagai agama negeri Selangor di bawah Perkara XLVII Undang-Undang Tubuh Kerajaan Selangor, 1959 dan juga agama Persekutuan di bawah Fasal (1) Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan.

"Pihak Jais telah menyembahkan kepada beta laporan penuh mengenai pemeriksaan yang telah dijalankan di kompleks Dream Centre dan juga tindakan susulan yang telah diambil oleh Jais.

"Beta sendiri telah meneliti laporan tersebut dengan terperinci dan beta berpuas hati bahawa tindakan Jais tersebut adalah betul dan tidak menyalahi mana-mana undang-undang yang berkuat kuasa di Selangor ini," titah baginda lagi.

Sultan Selangor seterusnya bertitah, tindakan Jais tersebut adalah selaras dengan bidang kuasa yang diperuntukkan di bawah Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003, Enakmen Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 1995 dan Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan di Kalangan Orang Islam) Negeri Selangor 1988.

Titah baginda, agama Islam yang diamalkan dalam Selangor adalah sebuah agama yang penuh toleransi dan penganut agama Islam sentiasa dipupuk agar menghormati penganut-penganut agama lain.

Walaupun begitu, titah baginda lagi, mana-mana pihak tidak boleh mengambil kesempatan untuk cuba mengembangkan ajaran agama lain kepada penganut agama Islam.

“Ini adalah selaras dengan Fasal (1) dan (4) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan dan Enakmen Ugama Bukan Islam (Kawalan Perkembangan di Kalangan Orang Islam) Negeri Selangor 1988 yang tidak membenarkan pengembangan ajaran agama lain kepada penganut agama Islam.

“Perkara XLVII Undang-Undang Tubuh, Kerajaan Selangor 1959, Fasal (1) Perkara 3 dan Fasal (1) Perkara 11 Perlembagaan Persekutuan telah memberikan hak kebebasan beragama kepada penganut agama lain untuk mengamalkan ajaran agama mereka masing-masing dengan aman dan harmoni.

“Hak kebebasan tersebut telah pun berjalan dengan penuh harmoni dalam negeri ini. Beta amat berharap keharmonian tersebut yang telah wujud sekian lama terus dikekalkan,” titah baginda dan menambah, “peliharalah hak dan agama masing-masing dan jangan sekali-kali cuba mempengaruhi dan memesongkan fahaman dan kepercayaan orang Islam terhadap agama Islam.”

The Malaysian Insider

Hakcipta © 2011 The Malaysian Insider

Source: <http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/isu-gereja-tiada-didakwa-tapi-12-muslim-diberi-kaunseling-titah-sultan/>